

# Dr M kata usahawan Bumiputera mestilah ikhlas

KOTA BHARU, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan, kesanggupan dan keikhlasan para peniaga Bumiputera adalah faktor penting bagi menenulkan kejayaan mereka dalam lapangan itu.

Katanya, para peniaga Bumiputera mestilah menumpukan segala daya dan tenaga untuk membuktikan bahawa mereka boleh berjaya.

"Kerajaan hanya dapat menyedia dan memberi kemudahan, galakan dorongan dan bimbingan," katanya dalam perutusanannya kepada seminar kejayaan dan cabaran peniaga-peniaga Melayu, yang sedang berlangsung di sini sekarang.

Seminar itu anjuran Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia, cawangan Kelantan.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan, kerajaan telah mengatur dan mengadakan pelbagai strategi dan kemudahan dalam usahanya untuk melahirkan usahawan Bumiputera

yang dinamis, berkemampuan dan berjaya.

"Walaupun banyak kejayaan dan kemajuan telah dicapai setakat ini, bilangan Bumiputera di bidang perniagaan dan perusahaan masih di tahap yang rendah, dibandingkan dengan kaum-kaum lain, apatah lagi jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa yang berjaya di dunia," ujarnya.

Mengenai seminar itu, Datuk Seri Dr Mahathir

berkata, ia adalah satu usaha yang boleh meninggikan lagi persefahaman di kalangan para peniaga Bumiputera.

Menurut beliau, ia memberi peluang kepada para peserta untuk bertukar-tukar pengalaman dan bantu-membantu satu sama lain bagi meningkatkan dan memajukan lagi perniagaan serta perusahaan masing-masing.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia